

## **Pentadbiran Obama Rombak Dasar Nuklear**

*Setiausaha Pertahanan Robert Gates dan Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton membincangkan Kajian Semula Pendekatan A.S. Berkenaan Isu Nuklear bersama para wartawan.*

Washington - Pada 6 April, Pentadbiran Obama telah mengeluarkan strategi baru nuklear bagi mengehadkan penggunaan senjata nuklear, tetapi mengekalkan penggunaan tradisional senjata tersebut sebagai menghalang serangan nuklear ke atas Amerika Syarikat.

Kajian Semula Pendekatan A.S. Terhadap Nuklear (NPR) telah didedahkan kepada orang awam pada satu taklimat di Pentagon oleh Setiausaha Pertahanan Robert Gates, Setiausaha Negara Hillary Rodham Clinton, Setiausaha Tenaga Steven Chu dan Laksamana Mike Mullen, Pengurus Gabungan Ketua-ketua Angkatan Tentera A.S. Kajian semula dasar nuklear A.S. ini merupakan yang pertama dibuat sejak tahun 2001 dan yang ketiga sejak berakhirnya Perang Dingin dua dekad lalu. Kajian semula dasar nuklear A.S. ini akan dibuat pada awal setiap pentadbiran baru; dan ia akan mempengaruhi perbelanjaan kerajaan persekutuan, perjanjian-perjanjian baru, pengerahan dan penyelenggaraan senjata dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Dasar baru ini menetapkan langkah-langkah untuk menguatkan aturan pengawalan senjata dan penekanan diberi kepada kepentingan perjanjian antarabangsa seperti Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT) 1970 dan Perjanjian Pengharaman Ujian Nuklear Komprehensif 1996. Ia secara khusus memperbaharui komitmen A.S. untuk terus mempertanggungjawabkan negara-negara yang menggunakan senjata nuklear atau bahan-bahan untuk membuat senjata nuklear untuk pihak pengganas.

"NPR menyediakan jalan untuk melaksanakan agenda Presiden Obama untuk mengurangkan risiko nuklear ke atas Amerika Syarikat, sekutu-sekutu dan rakan-rakan kami serta masyarakat antarabangsa," kata Gates di taklimat Pentagon. "Kajian semula ini menerangkan bagaimana Amerika Syarikat akan mengurangkan peranan dan jumlah senjata nuklear dengan matlamat jangka panjang untuk melihat dunia bebas dari nuklear."

Clinton memberitahu wartawan bahawa kajian semula ini adalah peristiwa penting untuk mengubah penggunaan nuklear oleh pasukan pertahanan A.S. dan pendekatan negara itu terhadap isu nuklear.

"Kami sedang menyusun semula keutamaan kami untuk mengelakkan pengembangan dan keganasan nuklear. Kami juga mengurangkan penggunaan dan jumlah senjata nuklear dalam simpanan kami, dan pada masa yang sama mengekalkan nuklear sebagai alat pencegahan yang selamat, terjamin dan berkesan untuk melindungi negara, sekutu-sekutu dan rakan-rakan kami," katanya.

Strategi ini yang diumumkan di Washington akan disusuli dengan diplomasi nuklear yang intensif selama sembilan hari. Obama dan Presiden Russia Dmitry Medvedev akan bertemu di Prague pada 8 April untuk menandatangani perjanjian START yang baru, yang dibuat untuk mengehadkan simpanan nuklear kedua-dua negara kepada 1,550 peledak nuklear, mengurangkan pengangkut nuklear kepada 700, dan mengehadkan pelancar nuklear kepada 800. Obama akan menjadi tuan rumah kepada lebih 40 pemimpin dunia di persidangan kemuncak keselamatan nuklear di Washington pada 12-13 April yang bertujuan untuk menghentikan berkembangnya penggunaan senjata nuklear dan teknologi yang berkaitan.

Wakil dari seluruh dunia pula akan berkumpul di PBB di New York pada 3-28 Mei untuk berdebat dan mengkaji semula perjanjian NPT, untuk menentukan mana-mana perkara yang perlu diubah atau diperluaskan. Proses kajian semula ini dibuat lebih kurang lima tahun sekali.

#### NPR: LIMA TUJUAN UTAMA

Di taklimat Pentagon, Gates memberitahu pihak wartawan bahawa Kajian Semula Pendekatan A.S. Terhadap Nuklear merangkumi perubahan ketara sikap A.S. terhadap nuklear. Ia bertumpu kepada lima tujuan utama.

- Dasar ini menekankan pencegahan pengembangan penggunaan dan bahaya nuklear.
- Ia mengurangkan peranan senjata nuklear dalam sistem keselamatan nasional Amerika dengan Amerika Syarikat memberi komitmen untuk tidak mengguna atau mengancam penggunaan senjata nuklear ke atas negara-negara yang menjadi ahli dalam Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear dan yang mematuhi syarat-syaratnya. Dasar ini juga meliputi serangan kimia dan biologi, tetapi dengan beberapa syarat.
- Walaupun Amerika Syarikat bersetuju untuk mengurangkan penggunaan senjata nuklear dalam perjanjian baru dengan Russia, dasar tersebut akan mengekalkan peranan tradisionalnya sebagai alat pencegah strategik, mengekalkan keseimbangan simpanan nuklear, dan cara senjata itu dilancarkan melalui peluru berpandu jarak jauh, kapal selam nuklear dan pesawat pengebom.
- NPR akan memperluaskan struktur keselamatan serantau yang meliputi pertahanan peluru berpandu dan pasukan tentera konvensional. Amerika Syarikat akan mengekalkan kemampuannya untuk pengerahan pesawat pengebom bersenjatakan nuklear.
- Dasar ini menghendaki Amerika Syarikat untuk mengekalkan simpanan nuklear yang selamat dan berkesan selagi wujud ancaman senjata nuklear. Akan tetapi Amerika Syarikat tidak akan melakukan ujian nuklear baru, dan tidak akan membina peledak nuklear yang baru.

#### MENASIHATI NEGARA LAIN AGAR TIDAK MEMBUAT SENJATA NUKLEAR

Pentadbiran Obama menggalakkan masyarakat global untuk mematuhi perjanjian NPT. Di bawah perjanjian ini, negara-negara yang ada senjata nuklear bersetuju untuk melucutkan senjata nuklear mereka, sementara negara-negara tanpa senjata nuclear pula bersetuju untuk tidak membuat senjata nuklear, dan memberi hak negara lain membina tenaga nuklear untuk tujuan keamanan.

Menurut teks Kajian Semula Pendekatan A.S. Terhadap Nuklear, "Amerika Syarikat tidak akan menggunakan atau mengancam untuk menggunakan senjata nuklear ke atas negara-negara yang tidak mempunyai senjata nuklear yang menjadi ahli di dalam NPT dan mematuhi syarat-syarat perjanjian pengawalan nuklear tersebut."

Timbalan Setiausaha Kedua Utama Polisi Pertahanan Jim Miller, pada 6 April di Pentagon, berkata bahawa sebahagian besar negara-negara telah mematuhi perjanjian NPT. Jika ada di antara mereka yang memutuskan untuk menggunakan serangan kimia atau senjata biologi ke atas Amerika Syarikat, rakan-rakan atau sekutu-sekutunya, mereka "akan menghadapi tindak balas tentera," katanya, dan bukan serangan nuklear. Miller berkata A.S. akan meningkatkan keupayaan konvensional angkatan tentera A.S. dan kemampuan lain untuk mewujudkan pencegahan terhadap penggunaan senjata kimia atau biologi. Namun, beliau berkata pendekatan pertahanan ini akan dikaji semula jika Amerika Syarikat mendapati dirinya tidak mampu mengatasi ancaman berterusan senjata-senjata tersebut.

Miller berkata, pendekatan pentadbiran Obama dalam isu pertahanan adalah menasihati negara-negara lain supaya tidak membina senjata nuklear.

"Jika anda adalah negara yang ada pertimbangan untuk membina senjata-senjata pemusnah ini ... anda telah menempatkan diri anda di dalam kategori yang berbeza berkenaan kemampuan nuklear kami," katanya. Amerika Syarikat akan terus membangunkan kemampuan pertahanan misil untuk melawan senjata pemusnah, dan pada masa yang sama ia berharap "negara-negara tersebut akan melihat bahawa pembinaan senjata nuklear dan pemusnah adalah sia-sia."